

## PENUTUP

Kegiatan perniagaan melalui pembekalan modal oleh pemiliknya kepada peniaga dengan berkongsi untung yang dikenali dengan itihāh *mudārabah* atau *qirād* telah menjadi amalan sejak beribu tahun sebelum perlantikan Nabi Muhammad s. ‘a. w. menjadi Rasul. *Mudārabah* ini telah dipakai dengan meluas di kalangan masyarakat Arab jahiliah. Islam mengiktiraf amalan ini melalui pengakuan Rasul Allah terhadapnya. *Fuqahā’* mempunyai pendirian yang berbeza mengenai asas keharusan *mudārabah*. Walaupun tiada ayat al-Quran yang secara langsung menyentuh tentang keharusan *mudārabah*, namun ada *fuqahā’* yang beranggapan bahawa ada ayat-ayat al-Quran yang boleh dianggap sebagai dalil keharusannya. Ada juga *fuqahā’* yang menganggap bahawa ayat al-Quran yang mengharuskan perniagaan juga menjadi dalil kepada keharusan *mudārabah* memandangkan *mudārabah* juga sebenarnya adalah suatu kontrak untuk melakukan perniagaan bagi menyuburkan harta. Tiada perbezaan antara perniagaan biasa dengan *mudārabah* kecuali dari segi pengendaliannya sahaja. Dalam *mudārabah* pengendali perniagaan bukan pemilik modal sendiri, tetapi *mudārib*. Jika dilaksanakan dengan betul, *mudārabah* memang merupakan satu instrumen kewangan yang dapat digunakan mengatasi masalah pembekuan harta dan pengagnguran. Dalam zaman moden ini *mudārabah* boleh berlaku bukan sahaja antara individu, tetapi juga antara individu dan institusi dan sebaliknya, juga antara satu institusi dan institusi lain.

Kebanyakan *fuqahā’ Sunnī* beranggapan bahawa *mudārabah* adalah sejenis kontrak “*jāiz*”, bebas (tidak mengikat), kedua belah pihak boleh membubarkannya pada bila-bila masa. Cuma ulama’ mazhab Maliki yang beranggapan bahawa *mudārabah* sekalipun ia merupakan kontrak yang bebas,

tetapi jika urusan perniagaan itu telah dimulakan maka kontrak ini menjadi mengikat, tidak bolch dibubarkan kecuali setelah modal *muḍārabah* berkenaan telah kembali kepada bentuk asalnya iaitu wang. Kontrak *muḍārabah* merupakan kontrak amanah, tiada sebarang tanggungan kewangan yang bolch dikenakan kepada *muḍārib*. Sebaik sahaja menerima modal daripada pemiliknya, *muḍārib* dianggap sebagai pemegang amanah. Sepanjang masa urusniaga berjalan, ia dianggap sebagai wakil dan setelah keuntungan diperolehi dia menjadi rakan kongsi. *Muḍārib* bebas dalam memperniagakan modal *muḍārabah* dalam tangannya tanpa terikat dengan jenis barang, tempat operasi perniagaan dijalankan dan tidak terikat dengan tempoh masa tertentu, jika kontrak dibuat secara *muflaq*. Jika kontrak *muḍārabah* dibuat dengan sekatan-berkenaan dibuat secara *qayyid*. Jika kontrak *muḍārabah* dibuat dengan sekatan-berkenaan (*qayyid*) tertentu yang dikenakan oleh pemilik modal, maka *muḍārib* terikat dengan sekatan berkenaan, selama mana sekatan itu didapati berfaedah. Pemilik modal bolch menolong *muḍārib* tetapi tidak dibenarkan terlibat sama dalam pengurusan kecuali dalam perkongsian modal antara pemilik modal dan *muḍārib*. Dalam kes ini *muḍārib* juga adalah pemilik modal dan dia menjadi *muḍārib* ke atas harta pemilik modal dan dalam masa yang sama memperniagakan hartanya sendiri. Ahmad ibn Hanbal tetap menganggap pengurusan perniagaan sedemikian sebagai *muḍārabah* sebenar. Tidak dibenarkan syarat-syarat dibuat supaya pemilik modal turut sama menguruskan perniagaan.

Dari segi pekerjaan yang dilakukan oleh *muḍārib* dalam melaburkan harta *muḍārabah*, ia boleh dilakukan dalam sebarang aktiviti ekonomi yang boleh menghasilkan keuntungan sama ada dalam bidang perdagangan, pertanian atau pembuatan barang. *Fuqahā'* Syafi'i, walau bagaimanapun membataskan aktiviti *muḍārabah* dalam perniagaan jual beli barang sacara langsung sahaja.

Memang aktiviti perniagaan jenis ini seperti pengedaran dan peruncitan mempunyai peluang mendapat keuntungan yang lebih tinggi berbanding dengan kegiatan pembuatan dan pertanian.

Mengenai hak *mudārib* mendapatkan saraan daripada harta *mudārabah* sepanjang masa dia mengendalikan perniagaan berkenaan, terdapat perbezaan pendapat mengenainya. Mazhab-mazhab Hanafi dan Maliki berpendapat *mudārib* berhak mendapat saraan jika perniagaan itu melibatkan pengembalaan, iaitu membawa barang itu ke tempat yang jauh. Hak ini ada selama mana harta perniagaan itu masih ada. Jika harta *mudārabah* itu binasa, hak mendapat saraan itu dengan sendirinya hilang, tidak boleh dituntut lagi daripada pemilik modal. Satu pandangan daripada kalangan *fūqahā'* Syafi'i juga membenarkan *mudārib* mendapat saraan daripada harta *mudārabah* yang dibawa bermusafir. Tetapi hak saraan itu terhad kepada kadar yang munasabah mengikut keperluan hidup semasa mengembara yang melebihi daripada keperluan hidup semasa bermustawtin. Manakala *fūqahā'* Hanbali pula berpendapat *mudārib* tidak berhak mendapat saraan daripada harta *mudārabah* sekalipun perniagaan itu melibatkan pengembalaan, kecuali pemberian saraan itu telah dipersetujui samasa kontrak dibuat.

Pengertian untung dalam *mudārabah* adalah lebihan daripada harta modal yang diperniagakan. Untung tidak boleh ditentukan jumlahnya lebih awal untuk pemilik modal atau *mudārib*. Yang kena ditentukan lebih awal ialah kadar agihan ke atas keuntungan yang diperolehi seperti 50%:50%, 60%:40% atau mana-mana kadar lain yang mereka persetujui bersama. Keuntungan juga tidak boleh ditentukan mengikut pertusan tertentu daripada kadar modal. Kewujudan untung bergantung kepada hasil perniagaan. Jika ada lebihan daripada jumlah

modal setelah perniagaan ditamatkan, maka itulah untung yang boleh dibahagikan. Maknanya untung berada dalam harta yang merupakan lebihan daripada modal yang menjadi harta syarikat (perkongsian) antara pemilik modal dan *mudārib*. Agihan keuntungan pula hanya boleh dibuat setelah perniagaan *mudārabah* ditamatkan.<sup>3</sup> Penamatan perniagaan *mudārabah* boleh dibuat secara hakiki (fizikal), iaitu dengan memberhentikan terus perniagaan berkenaan. Penamatan perniagaan *mudārabah* juga boleh dilakukan secara *hukmī*, iaitu dengan cara membuat penilaian harta perniagaan *mudārabah* yang ada dengan wang tunai dan diperakui oleh pemilik modal. Dengan itu ia boleh dianggap sebagai menerima kembali harta modal miliknya dan dengan itu juga ia boleh mengambil keuntungan bahagiannya, atau meneruskan kontrak *mudārabah* untuk kali yang berikutnya dalam kontrak yang baru dengan jumlah modalnya yang lama bercampur keuntungan, jika keuntungan itu tidak diambil oleh pemilik modal berkenaan.

Perbincangan para *fujahā'* mengenai *mudārabah* meliputi pelbagai aspek, iaitu dari segi pembinaan kontrak, falsafah, rukun dan syarat dalam pembentukan kontrak. Dari segi hukum yang berkait dengan kedudukan *mudārib* pula ialah mengenai hak dan tanggungjawabnya. Juga dibincangkan mengenai kedudukan pemilik modal, kedudukan *mudārabah* dalam mu'amalah kehartaan dan *mudārabah* yang *fāsid*. Dari segi modal pula dibincangkan berhubung dengan bentuk modal, penarikan sebahagian modal oleh pemiliknya, kehilangan atau kerosakan sebahagian atau kesemua modal. Dibincangkan juga mengenai konsep untung, agihan keuntungan dan agihan keuntungan yang mana modalnya didapati secara berhutang oleh *mudārib*. Perbincangan juga dibuat mengenai tanggungan kerugian dan had kerugian yang ditanggung oleh pemilik modal dan

penyelesaian pertikaian serta pembubaran *mudārabah* dengan menentukan peraturan dan hukumnya dan hukum-hukum yang berkaitan dengan persoalan *dāmān* dalam *mudārabah*.

Jika ditinjau dari segi pihak yang boleh terlibat dalam pembentukan kontrak, *mudārabah* boleh dilakukan oleh seorang pemilik modal dan seorang *mudārib*. *Mudārabah* juga boleh dilakukan dengan beberapa orang pemilik modal dengan seorang *mudārib* dan sebaliknya iaitu seorang pemilik modal dengan beberapa orang *mudārib*. Dua orang pemilik modal boleh mengeluarkan modal dengan salah seorang daripada mereka bertindak sebagai *mudārib*. Boleh juga berlaku dengan kedua belah pihak yang berkontrak lebih dari seorang, malahan boleh berlaku kontrak antara individu dan institusi sama ada institusi berkenaan bertindak sebagai pemilik modal atau *mudārib*. *Mudārabah* juga boleh berlaku lebih dari dua pihak dengan cara *mudārib* menyerahkan modal yang diterimanya daripada pemilik modal menyerahkan modal berkenaan kepada *mudārib* lain untuk diurusniagakan dengan persetujuan pemilik modal. Keharusan bermudārabah cara ini membolehkan kelahiran suatu organisasi yang bertindak sebagai pengumpul modal dengan memperolehinya daripada pemilik modal yang ramai untuk diagih-agihkan pula kepada pengusaha-pengusaha yang memerlukan modal. Organisasi yang bertindak sebagai pengumpul modal milik orang ramai ini berperanan selaku *mudārib* pengantara, manakala pengusaha yang menerima modal daripadanya sebagai *mudārib* sebenar. Di Malaysia organisasi yang bertindak sebagai *mudārib* pengantara ini wujud dalam bentuk institusi kewangan, bank dan bukan bank. Tetapi pembekalan modal kepada pengusaha tidak berlaku dalam kontrak *mudārabah* juga, sebaliknya modal itu diperniagakan dalam kontrak yang lain yang kurang risikonya. Di Malaysia juga

telah dimulakan suatu bentuk *mudārabah* yang tidak pernah dilakukan sebelumnya ini, iaitu dalam bentuk Bon Mudharabah Cagamas, Sistem Penjelasan Cek Antara Bank dan Pelaburan Antara Bank Secara Islam. Kontrak *mudārabah* dalam ursniaga berkenaan berlaku dalam bentuk moden dan canggih tidak pernah diamalkan sebelum ini.

Dalam *mudārabah* *damān* (*ganti rugi*) ke atas *muqārib* hanya boleh dikenakan jika berlaku kerosakan atau kerugian disebabkan oleh kecuaian dan perbuatan melanggar syarat kontrak yang telah dipersetujuinya. Dalam persaingan perniagaan bank, ketiadaan *damān* dalam *mudārabah* memberi kelebihan kepada institusi kewangan konvensional daripada institusi kewangan Islam. Ini kerana wang modal *mudārabah* dalam bentuk deposit dalam perbankan Islam tidak terjamin, tidak semestinya diperolehi kembali sebanyak mana ia dilaburkan. Keuntungan tidak dapat dipastikan ada dan modal juga boleh berkurangan disebabkan kerugian. Sedangkan dalam institusi kewangan konvensional bukan sahaja wang simpanan pendeposit terjamin, pasti dapat kembali sebanyak mana yang disimpan tetapi juga pulangannya dalam bentuk *intrest* juga dijamin oleh bank. Ini menjadikan pelanggan-pelanggan, pada umumnya lebih tertarik dengan bank konvensional daripada perbankan Islam.

Sukar untuk mencari laluan *syar'i* yang boleh digunakan untuk mengenakan *damān* ke atas *muqārib*. Cara yang pernah dilakukan oleh para *fujahā'* ialah melalui helah. Namun berhelah bukan suatu keharusan yang *mutlaq*, ia sangat bergantung kepada tujuan pembuat helah dan jalan berhelah yang diikuti. Ada kemungkinan berhelah mengheret pelakunya melakukan perkara yang haram.

Menjamin adanya keuntungan untuk pemilik modal oleh *mudārib* adalah suatu yang tidak harus berlaku dalam *muḍarabah*. Oleh itu institusi kewangan Islam tidak boleh menentukan jumlah keuntungan lebih awal sebelum scelsainya perniagaan. Namun kelonggaran mungkin boleh diberi di mana pihak institusi kewangan boleh menjanjikan keuntungan kepada pendeposit pada kadar peratusan tertentu daripada jumlah modal secara yang tidak muktamad (*intrim*). Ini boleh dilakukan jika perniagaan yang dilakukan ke atas modal *mudārabah* dibuat dalam perniagaan yang terjamin keuntungannya seperti *murabahah*, *bay'* *al-īnah*, *bay'* *al-dayn* dan sebagainya. Mungkin juga boleh dilakukan dalam kontrak *musāwamah* iaitu dalam kontrak jual beli yang dibuat dengan tawar menawar di mana kos asal dan kadar keuntungan tidak diketahui oleh pembeli. Oleh yang demikian, penulis beranggapan bahawa dalam BIMB dan SPI, jaminan sukarela boleh dibuat ke atas keselamatan modal *mudārabah*. Ini kerana sumbar modal yang diperolehi daripada pendeposit melalui kaedah *mudārabah* tidak digunakan untuk bermiaga secara *mudārabah* juga. Kontrak perniagaan secara *mudārabah* memang mempunyai risiko yang tinggi, dan tidak memungkinkan untuk dibuat anggaran tentang kadar keuntungan yang boleh diberikan kepada para pemilik modal. Wang modal *mudārabah* daripada pendeposit dilaburkan dalam kontrak perniagaan yang terjamin keuntungannya dengan memasukkannya dalam perniagaan secara *murabahah*, *bay'* *al-īnah*, *bay'* *al-dayn*, *bay'* *bi thaman ājil* dan sebagainya. Semua kontrak berkenaan terjamin keuntungannya. Dengan demikian tidaklah menjadi kesulitan kepada institusi kewangan berkenaan untuk memberi jaminan secara sukarela terhadap keselamatan modal pendeposit *mudārabah*.

Berkaitan dengan *muḍārabah* juga, para *fuqahā'* telah menggariskan kaedah penyelesaian persoalan yang berkait dengan pertikaian yang berlaku antara pemilik modal dan *muḍārib*, untuk mempastikan keadilan. Asas yang menjadi prinsip dalam menyelesaikan persoalan ini ialah: keterangan hendaklah diberi oleh pendakwa dan sumpah hendaklah dibuat oleh yang menolak dakwaan.

Kontrak *muḍārabah* boleh dibubarkan dengan kehendak mana-mana pihak yang berkontrak, rosak harta modal, kematian mana-mana pihak yang berkontrak dan gila. *Muḍārabah* tamat dengan kematian pemilik modal secara dalam bentuk barang, *muḍārib* boleh meneruskan kerjanya sehingga semua barang itu berukar kepada wang dengan menjualnya. Tetapi ketika itu *muḍārib* tidak boleh membuat pembelian lagi setelah barang itu bertukar kepada wang tunai. Maknanya ketika itu wang *muḍārabah* tidak boleh lagi digunakan untuk membeli barang perniagaan.

Dari segi makluman tentang kematian pemilik modal oleh *muḍārib*, menurut mazhab Maliki kontrak *muḍārabah* hanya dianggap batal setelah *muḍārib* tahu tentang kematian pemilik modal. Manakala dalam mazhab Hanafi kontrak *muḍārabah* terbatal secara automatik apabila pemilik modal mati, tidak kira sama ada *muḍārib* tahu tentang kematian itu atau tidak. Dalam perkara ini, kelihatan pandangan mazhab Maliki lebih praktikal untuk diguna pakai dalam kontrak *muḍārabah* dalam institusi kewangan moden. Terdapat pandangan yang berbeza antara majoriti *fuqahā'* dari kalangan mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hanbali dengan Mazhab Maliki dalam hal pembubaran *muḍārabah* disebabkan kematian pemilik modal. Majoriti *fuqahā'* berpendapat *muḍārabah* terbatal sebaik sahaja kematian berlaku. Namun demikian harta perniagaan *muḍārabah*

yang masih dalam bentuk barang bolch dijual oleh *mudārib* sehingga semuanya bertukar kepada wang. Ketika itu berlakulah pembubaran sebenar ke atas perniagaan *mudārabah*. *Fuqahā'* Maliki membenarkan *mudārib* meneruskan perniagaan *mudārabah* setelah kematian pemilik modal jika diminta oleh ahli waris si mati. Ini bererti dalam mazhab Maliki, selepas kematian pemilik modal, *mudārib* bukan sahaja sekadar boleh menjual barang untuk menuarkanya kepada bentuk wang tetapi juga boleh terus bermula dengan wang berkenaan.

Kecacatan akal, hilang kewarasan kerana gila juga membatalkan kontark *mudārabah*, kerana ia menghilangkan keupayaan manusia menguruskan harta. Murtad pemilik modal juga membatalkan *mudārabah*, sebaliknya tidak batal *mudārabah* dengan kemurtadan *mudārib*. Mejoriti *fuqahā'* berpendapat sekatan (*hajr*) ke atas pemilik modal menjadi sebab terpecahnya *mudārib*. Demikian juga dengan *hajr* yang dikenakan ke atas *mudārib*, bankrap pemilik modal juga menjadi sebab terbatalnya kontrak *mudārabah* tetapi tidak demikian jika *mudārib* yang bankrap. Berkhirnya tempoh sesuatu kontrak *mudārabah* juga menjadikan sesuatu kontrak *mudārabah* itu tamat. Demikian juga jika kerja-kerja yang ditentukan sebagai pekerjaan khusus yang kenā dibuat dalam kontrak berkenaan selesai dilakukan, maka tamatlah kontrak *mudārabah* berkenaan.

Berhubung dengan persoalan apakah *mudārabah* dapat diguna pakai dalam institusi kewangan semasa. Mengenai perkara ini ternyata dari segi mendapatkan deposit pelanggan *mudārabah* dapat dilaksanakan tanpa masalah iaitu dengan cara menerima wang deposit dan berjanji berbahagi keuntungan pada kadar peratusan tertentu. Ini dapat dilaksanakan dalam semua institusi kewangan Islam di Malaysia, BIMB, Syarikat Takaful Malaysia, bank-bank SPI dan Bank Rakyat, kecuali Tabung Haji. Masalah yang wujud ialah dalam hal

penyerahan modal *mudārabah* oleh institusi kewangan kepada pelanggan sebagai *mudārib*. Dalam institusi kewangan Islam di Malaysia pembekalan modal sedemikian hampir tidak berlaku langsung. Institusi kewangan lebih bersedia menjadi *mudārib* dalam hubungan dengan pelanggan dan tidak bersedia menjadi pembekal modal kepada pelanggan. Pembekalan modal oleh bank secara *mudārabah* hanya berlaku dalam Mudharabah Antara Bank dan Penyelesaian Cek Antara Bank Secara Islam.

Keadaan di atas berlaku disebabkan oleh hakikat kontrak *mudārabah* itu sendiri. Kontrak *mudārabah* adalah kontrak amanah tanpa apa-apa tanggungan kewangan ke atas penerima modal akibat dari kerugian yang berlaku dalam perniagaan berkenaan. Ini bermakna meletakkan wang untuk dilabur oleh *mudārib* dalam perniagaan secara *mudārabah* mendedahkan modal berkenaan kepada risiko yang tinggi. Ia amat bergantung kepada kesungguhan, kepakaran dan keamanahan *mudārib* berkenaan. Sebarang kecacatan ke atas faktor ini akan memberi kesan buruk kepada pemilik modal.

Dari segi teorinya kelihatan *mudārabah musyarakah* adalah satu kaedah perniagaan secara *mudārabah* yang sesuai dipraktikkan dalam institusi kewangan moden Islam. Kerana cara ini boleh menyumbangkan sejumlah modal yang besar untuk melaksanakan projek perekonomian. *Mudārabah* jenis ini melibatkan ramai pemilik modal yang datang menyerahkan wangnya kepada bank untuk diperniagakan oleh bank dengan menyerahkan wang berkenaan kepada pengusaha-pengusaha yang ramai bilangannya. Kemasukan modal berlaku secara berterusan dan keuntungan diagihkan dalam keadaan perniagaan masih terus berjalan. Dalam perkara ini bank berperanan sebagai *mudārib* pengantara. Dari segi agihan keuntungan, *mudārabah* jenis ini memerlukan kepada suatu formula yang benar-

benar selamat supaya tidak berlaku pengambilan harta milik orang secara yang *babitil*. Cara yang difikirkan sesuai dan selamat bagi melaksanakan sistem *mudārabah musytarakah* ini ialah dengan memasuki bidang pelaburan jangka pendek seperti perniagaan import dan eksport baragan; memberi pembiayaan kepada sub kontraktor seperti menyiapkan bahagian tertentu dalam pembinaan bangunan, penyediaan tapak, menimbus tanah, menanan cerucuk, pendawaian letrik, pemasangan paip, pembekalan perabut dan peralatan pejabat, pemasangan alat-alat elektrik, kipas angin, pendingin udara dan sebagainya. Semua aktiviti pelaburan jenis ini boleh diselesaikan dalam jangka masa yang secara relatifnya tidak lama. Wang modal dapat segera dicairkan. Sesuai dengan kehendak perniagaan *mudārabah* yang menetapkan supaya sesuatu perniagaan itu ditamatkan, semua wang modal dikembalikan kepada pemiliknya sebelum keuntungan dapat dibahagikan antara pembekal modal dan pegusaha.

Dari segi penjagaan keselamatan terhadap modal *mudārabah musytarakah* dan mengelakkannya daripada kehilangan, tiada sandaran dalil yang kuat untuk mengenakan jaminan (*damān*) kepada *mudārib*. Cara yang terbaik ialah dengan menyertai insurans mutual. Beberapa buah institusi kewangan Islam menyumbang dalam satu tabung insurans mutual. Wang itu digunakan untuk membantu mana-mana institusi kewangan yang mengalami kerugian. Dengan cara ini institusi kewangan yang terlibat dengan kerugian dapat menampung kehilangan modal daripada wang yang tersimpan dalam tabung berkenaan. Dengan demikian institusi kewangan yang mengalami kerugian masih dapat bertahan dengan mempastikan pendeposit dalam akaun *mudārabah* mereka tidak kehilangan wang modal sekalipun tidak untung.

Dalam institusi kewangan di Malaysia, rata-rata institusi kewangan yang melaksanakan sistem kewangan secara Islam menggunakan kaedah *muḍārabah* dalam hubungan mereka dengan pelanggan ialah dalam perkara mendapatkan deposit sahaja. Manakala dalam menggunakan wang deposit daripada pelanggan itu untuk pelaburan pula mereka tidak memasuki kontrak *muḍārabah*. Sebaliknya ia diperniagakan dalam kontrak perniagaan yang lain , yang hampir terjamin dari segi keslamatan modal dan keuntungannya. Kebiasaannya ia dibuat dalam kontrak *murābahah*, *bay’ al-‘inah* , BBA dan gadaian. Ini dilakukan untuk megelak kerugian yang akan hanya di tanggung oleh institusi kewangan berkenaan sebagai pemilik modal . Maknanya pelanggan tidak ada peluang untuk mendapatkan modal daripada bank untuk melakukan perniagaan dengan cara *muḍārabah*, ini juga bermakna tidak berlaku kontrak *muḍārabah* musytarakah dalam mana-mana institusi kewangan Islam di Malaysia. Pendekatan yang dibuat oleh bank-bank tempatan ini adalah untuk megelak risiko kerugian akibat tiada kesungguhan, pecah amanah, kecuaian atau kekurangan kepakaran di pihak *muḍārib*. Urusan perniagaan secara *muḍārabah* adalah tidak menentu dari segi peluang mendapat keuntungan. Ini kerana kerugian juga boleh berlaku disebabkan oleh faktor lain seperti kehilangan, kemalangan bencana alam dan sebagainya.

Bank Islam, Affin Bank dan Tabung Haji, didapati hanya bersedia untuk melaburkan wang pemegang syer dan wang pendeposit dalam simpanan mereka secara *muḍārabah* dalam Mudharabah Antara Bank; Mudharabah Khas dan dalam Sistem Penjelasan Cek Antra Bank sahaja. Tidak berlaku penyerahan modal kepada pelanggan secara *muḍārabah*. Ternyata institusi kewangan di Malaysia tidak berkeyakinan untuk melepaskan wang

dalam tangan mereka untuk diperniagakan dalam kontrak *muḍārabah*. Faktor utama yang menyebabkan situasi ini berlaku ialah kerana kontrak *muḍārabah* lebih merupakan kontrak amanah dalam hubungan antara pembekal modal dengan pengusaha. Pembekal modal menyerahkan wang kepada *muḍārib* tanpa apa-apa jaminan dari segi keselamatan modal berkenaan. Ia bergantung sepenuhnya kepada kesungguhan, kejujuran dan keamanahan *muḍārib*. Tanpa kejujuran dan keamanahan *muḍārib* modal itu mungkin lesap begitu sahaja tanpa jaminan untuk memperolehnya kembali.

Tidak yakin kepada pemegang amanah menyebabkan kontrak amanah tidak dapat dimeterai, khasnya oleh pengamanah. Keraguan pengamanah menjadikan kontrak *muḍārabah* yang kelihatan begitu ideal tidak dapat diperaktikkan. Untuk berhadapan dengan institusi kewangan konvensional yang telah menguasai perniagaan bank dan pemikiran orang ramai yang mengendalikan urusan simpanan dengan bayaran faedah yang berterusan di samping simpanan yang terjamin keselamatannya. Institusi kewangan Islam semestinya mencari jalan mempastikan modal *muḍārabah* pendeposit tidak susut di samping berusaha mempastikan keuntungan yang berpatutan dapat diberikan kepada pendeposit, khususnya pendeposit dalam akaun *muḍārabah*. Jika ini dapat dilakukan Institusi Islam akan dapat menarik modal orang awam Islam khasnya untuk melabur dalam institusi kewangan Islam. Langkah yang diambil oleh institusi kewangan Islam di Malaysia yang tidak menyerahkan modal *muḍārabah* kepada pelanggan adalah untuk mengelak daripada menanggung risiko tertipu atau menjadi mangsa kecuaian *muḍārib*. Dikuatir ada golongan yang mengambil kesempatan daripada kontrak *muḍārabah* ini untuk mendapat

wang secara percuma dengan melakukan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan akhlak Islam seperti menipu akaun dan sebagainya.

Daripada keseluruhan fakta di atas, ternyata kontrak *mudārabah* yang telah damalkan di zaman lampau masih boleh dipakai dizaman moden ini. Namun pemakaianya perlu dibuat secara berhati-hati dengan mengambil kira faktor semasa sesuai dengan masyarakat moden yang bersaiz besar. Di Zaman silam *mudārabah* mudah dipakai kerana ia dipraktikkan antara satu individu dan individu lain dalam masyarakat yang kecil, mereka saling mengenali antara satu sama lain. Pemilik modal kenal *mudārib* yang mendapatkan modal daripadanya. Dengan saling mengenali mengurangkan risiko tertipu di pihak pemilik modal. Langkah yang diambil oleh Bank Islam, bank-bank SPI adalah satu langkah yang sesuai bagi mengurus risiko, dengan hanya memakai kaedah *mudārabah* di sebelah pihak iaitu dalam pengambilan deposit. Dalam pembekalan modal mereka hanya bersedia melakukannya dengan kontrak *mudārabah* dalam perniagaan yang terjamin keselamatan modal mereka. Tindakan sedemikian adalah satu langkah yang sessuai dalam senario masyarakat semasa. Saiz masyarakat yang besar di mana bank dan institusi kewangan lain tidak mungkin mengenali dengan baik pelanggan-pelanggan yang datang untuk mendapatkan modal daripada mereka. Tindakan berhati-hati dengan tidak melibatkan wang modal mereka dalam kontrak *mudārabah* adalah suatu langkah keselamatan yang praktikal. Kesimpulannya *mudārabah* hanya dibuat dengan mengambil kira keperluan keselamatan modal lebih dahulu. Pendekatan ini perlu memandangkan bank, dalam perniagaannya banyak bergantung kepada modal yang dibekalkan oleh pelanggan mereka dalam bentuk deposit. Oleh yang demikian tindakan berhati-hati sebelum memakai kontrak *mudārabah* dalam pembekalan modal

adalah suatu keperluan dalam menjamin kelangsungan perniagaan bank. Ini bermakna pembekalan modal harus dilakukan dalam kontrak lain yang kurang terdedah kepada risiko.

Keadaan ini mungkin bolch diperbaiki dengan mewujudkan akta khusus mengenai mu'malah Islam yang memberikan perlindungan kepada kedua belah pihak yang berkontrak dalam *mudārabah*. Untuk itu penelitian lanjut perlu dibuat ke atas hukum *fiqh* dengan meneliti kepada kedudukan hak dan tanggungjawab kedua pihak yang berkontrak dan menggariskan peraturan baru yang sesuai dengan keperluan semasa. Antaranya, kemungkinan perlu diberi hak kepada pihak pembekal modal *mudārabah* untuk kengenakan syarat kepada pihak pengusaha yang ingin mendapatkan modal *mudārabah* daripadanya supaya mendapatkan seorang penjamin yang bersedia memulangkan modal yang diterima oleh pengusaha kepada institusi yang membekalkan modal sekiranya berlaku kerugian, kerosakan atau kehilangan harta perniagaan *mudārabah* disebabkan oleh kecuaian atau salah laku pihak pengusaha.